



## NOTIS MAKLUMAN

### PEMBERIAN SUBSIDI BAGI PERLINDUNGAN INSURANS/ TAKAFUL ISI RUMAH (HOME CONTENT) KEPADA PELANGGAN LEMBAGA PEMBIAYAAN PERUMAHAN SEKTOR AWAM (LPPSA)

Pemberian subsidi bernilai RM100.00 bagi Perlindungan Insurans/ Takaful Isi Rumah (*Home Content*) ini diperkenalkan bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pelanggan untuk mendapatkan perlindungan tambahan kepada hartanah di bawah pembiayaan LPPSA selain daripada perlindungan sedia ada iaitu Perlindungan Insurans/ Takaful Pemilikan Rumah Jangka Panjang (LTHO). Manfaat/ perlindungan yang ditawarkan adalah seperti di **Lampiran 1**.

**Berkuat kuasa 1 Januari 2023**, semua pelanggan LPPSA boleh mengemukakan permohonan tuntutan subsidi melalui pautan <https://www.lppsa.gov.my/insurance/> dan permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. Pelanggan masih mempunyai akaun berstatus aktif dengan LPPSA.
- ii. Perlindungan Insurans/ Takaful Isi Rumah (*Home Content*) adalah bagi hartanah yang masih dicagarkan kepada LPPSA sahaja.
- iii. Bayaran LTHO telah dikeluarkan.
- iv. Tuntutan subsidi perlu dibuat dalam tempoh 1 Januari 2023 – 31 Disember 2023.

Skim subsidi ini menawarkan pilihan perlindungan seperti berikut:

No.	Pelan A	Pelan B
i.	Jumlah perlindungan bernilai RM20,000.00.	Jumlah perlindungan bernilai RM30,000.00.
ii.	Jumlah sumbangan/ premium RM100.00/ tahun.	Jumlah sumbangan/ premium RM150.00/ tahun. (Pelanggan perlu menanggung jumlah perbezaan premium yang dikenakan oleh Panel Insurans/Takaful yang dipilih)
Nota: Pelanggan boleh membuat pilihan untuk menambah skop atau jumlah perlindungan dengan membayar lebihan kos premium/ sumbangan yang dikenakan oleh Panel Insurans/ Takaful.		

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh dikemukakan melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

**3 JANUARI 2023**

**MANFAAT/ PERLINDUNGAN BAGI INSURANS/ TAKAFUL ISI RUMAH (*HOME CONTENT*)  
KEPADA PELANGGAN LPPSA**

- i. Kerugian atau kerosakan ke atas isi kandungan rumah pelanggan disebabkan oleh kebakaran, petir dan letupan;
- ii. Kerugian atau kerosakan isi kandungan rumah anda disebabkan oleh pesawat udara, kenderaan jalan raya atau haiwan, tangki paip air yang pecah atau melimpah, kecurian melalui pencerobohan secara paksaan dan ganas, ribut, taufan, gempa bumi, letusan gunung berapi, banjir dan rompakkan;
- iii. Isi kandungan rumah yang dipindahkan sementara;
- iv. Kerosakan kepada cermin;
- v. Harta benda pembantu rumah;
- vi. Liabiliti kepada pihak ketiga atas kemalangan di rumah;
- vii. Pampasan disebabkan oleh kecederaan maut (kematian) yang berlaku dengan keganasan oleh pencuri atau kerana kebakaran;
- viii. Kehilangan sewa tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada jumlah perlindungan isi kandungan rumah;
- ix. Penenggelaman dan gelinciran tanah;
- x. Rusuhan, mogok dan kerosakan akibat perbuatan niat jahat; dan
- xi. Kerosakkan akibat pokok tumbang atau dahan jatuh.